

Kertas Bil. 34/2016



**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
MENGENAI PEMBASMIAN KEMISKINAN (JPK-
PEMBASMIAN KEMISKINAN) BAGI DEWAN NEGERI
SELANGOR BERKENAAN PENJAJA TANPA LESEN DI
PETALING JAYA SELATAN
(PJS 1, PJS 2, PJS 3 DAN PJS 4)**

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
MENGENAI PEMBASMIAN KEMISKINAN (JPK-PEMBASMIAN
KEMISKINAN) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERHUBUNG
PENJAJA TANPA LESEN DI PETALING JAYA SELATAN
(PJS 1,PJS 2,PJS 3 DAN PJS 4)**

1. PENDAHULUAN

Selaras dengan Peraturan 71 (1) – (5) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor berkenaan Jawatankuasa Pilihan Khas Pembasmian Kemiskinan (JPK-Pembasmian Kemiskinan) dan menurut Peraturan Tetap 76 (1) – (6) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor berkenaan Penyata daripada Jawatankuasa Pilihan, maka Penyata ini disediakan dan dibentangkan dalam Mesyuarat Ketiga, Penggal Keempat, Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan Ketiga Belas Tahun 2016 pada 31 Oktober 2016, 01-04 November 2016 & 07-11 November 2016.

2. TUMPUAN LAPORAN JAWATANKUASA

JPK-Pembasmian Kemiskinan yang ditubuhkan oleh Dewan Negeri Selangor telah meneliti keberkesanan dasar dan program-program pembasmian kemiskinan yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri. Sehubungan itu, penyata Jawatankuasa ini memberi tumpuan kepada aktiviti perniagaan tanpa lesen di lokasi-lokasi larangan di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan hubungannya, jika ada, dengan masalah kemiskinan.

Jawatankuasa berpendapat bahawa permasalahan ini berlaku di kebanyakan kawasan PBT di negeri Selangor. Untuk lebih memahami isu ini, jawatankuasa telah melakukan tinjauan dan kajian sebagai langkah permulaan di beberapa lokasi di Petaling Jaya Selatan.

3. OBJEKTIF PENYATA

Penyata ini bertujuan untuk memahami apakah punca dan sebab terdapat di kalangan rakyat, mereka yang menjalankan kegiatan bermiaga dan menjaja secara tidak sah di lokasi-lokasi di bawah pengawasan PBT di Negeri Selangor. Apakah di sana terdapat hubungan yang rapat antara kemiskinan dan kesempitan ekonomi rakyat di Selangor dengan cara bermiaga seumpama ini.

4. LAWATAN DAN PENDENGARAN TERTUTUP

4.1 Jawatankuasa telah mengadakan lawatan tapak ke Petaling Jaya Selatan (PJS 1, PJS 2, PJS 3 dan PJS 4) pada 23 Ogos 2016 bermula jam 9.00 pagi. Lawatan tertumpu di empat (4) lokasi utama sekitar Taman Medan, iaitu:-

- a) Jalan 7, Jalan Dato' Harun, PJS 2
- b) Jalan PJS 1/25, PJS 1
- c) Jalan Sri Manja, Taman Buana, PJS 3
- d) Jalan PJS 4/27

4.2 Ahli Jawatankuasa yang hadir ialah:

- i. Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib
(ADN Kawasan Hulu Kelang)
- ii. Y.B. Puan Haniza binti Mohamed Talha
(ADN Taman Medan)
- iii. Y.B. Puan Noor Hanim binti Ismail
(ADN Seri Serdang)
- iv. Y.B. Puan Lai Nyuk Lan
(ADN Sungai Pelek)

4.3 Jabatan Pelesenan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah menyampaikan taklimat mengenai Isu-Isu Peniaga Tidak Berlesen di Kawasan Petaling Jaya Selatan (PJS 1, PJS2, PJS3 dan PJS4).

Taklimat telah disampaikan oleh:-

- i. Puan Hajah Sharinaz binti Hj. Samsudin
Pengarah Pelesenan MBPJ
- ii. Encik Khir Johari bin Jamaludin
Penolong Pengarah Penguatkuasaan MBPJ
- iii. Puan Eza Azlinda binti Nadzri
Penolong Pengarah (Perancangan Pembangunan 5)
- iv. Encik Ariffin bin Mahaiyuddin
Ahli Majlis MBPJ
- v. Ahmad Akhir bin Pawan Chik, PJK
Ahli Majlis MBPJ

4.4 Pendengaran tertutup mengenai penjaja tanpa lesen telah diadakan pada Selasa, 23 Ogos 2016. Pendengaran tersebut dihadiri oleh:-

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)

- i. Encik Muhammad Khairul Asyraf bin Rusli
Pegawai Tadbir Pelesenan MBPJ
- ii. Encik Mohamad Zulhilmi bin Hj Hussain
Penolong Pegawai Tadbir Pelesenan MBPJ
- iii. Encik Mohd Kamarul Azizi bin Kamarudin
Pegawai Penguatkuasa

Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan (SPBT)

- i. Puan Mas Sakdah binti Kamaruzzaman
Timbalan Pengarah SPBT
- ii. Puan Norkhairunnisa binti Abdullah
Penolong Pengarah SPBT
- iii. Encik Wan Zahari bin Sulong
Penolong Pengarah SPBT

5. PENEMUAN: LAWATAN KE LOKASI-LOKASI PILIHAN

- 5.1 Terdapat tujuh (7) buah gerai tanpa lesen menjalankan aktiviti perniagaan sebagai aktiviti utama untuk menjana sumber pendapatan keluarga. Hanya seorang peniaga menjadikan aktiviti perniagaan sebagai sumber pendapatan sampingan.
- 5.2 Aktiviti perniagaan dijalankan di lokasi-lokasi yang tidak mendapat kebenaran Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) merupakan punca utama permohonan lesen perniagaan tidak diluluskan.
- 5.3 Peniaga yang ditemui turut menyatakan bahawa lokasi perniagaan adalah amat strategik dan berdekatan dengan kawasan perumahan di mana ianya memang memudahkan ramai pelanggan datang.
- 5.4 Aktiviti perniagaan tersebut terletak di lokasi berbahaya seperti di simpang jalan, susur masuk dan keluar jalan raya, pintu masuk kawasan pangaspuri dan di bahu jalan laluan pejalan kaki. Hasil pemerhatian mendapati terdapat gerai yang telah menutup papan tanda jalan (rujuk Lampiran A).

- 5.5 Terdapat segelintir peniaga bertindak kasar dan membuat ugutan kepada pihak Penguatkuasa MBPJ semasa lawatan/rondaan di lokasi perniagaan yang sedang dijalankan¹
- 5.6 Keadaan gerai tanpa lesen ini tidak diuruskan dengan sempurna dan kotor. Peniaga turut mengubah suai laluan pejalan kaki dengan konkrit untuk keselesaan mereka dan pelanggan (rujuk Lampiran B).
- 5.7 Sebuah gerai menjual buah-buahan tempatan dan kerepek di PJS 4 telah dikenal pasti menggunakan sepenuhnya laluan pejalan kaki, menutup papan tanda arah dan terletak di selekoh jalan (rujuk Lampiran C). Peniaga yang ditemui memaklumkan telah memperuntukkan modal sebanyak RM30,000.00 untuk bermiaga di lokasi tersebut.
- 5.8 Sebuah kios menjual jus mangga didapati telah mengupah warga Indonesia tanpa pas pekerjaan yang sah dengan bayaran gaji sebanyak RM 60.00 sehari (rujuk Lampiran D). Pemilik kios tersebut turut mempunyai tiga (3)buah kios tanpa lesen di lokasi berasingan di sekitar PJS.
- 5.9 Terdapat juga kes peniaga tempatan yang menyewakan lesen atau perkakasan perniagaan kepada warga asing untuk mendapat keuntungan dengan cara mudah.

¹Sumber maklumat oleh Encik Khir Johari bin Jamaludin, Penolong Pengarah Penguatkuasaan MBPJ Pegawai Penguatkuasaan MBPJ.

- 5.10 Modal dan keuntungan yang diperolehi oleh peniaga-peniaga ini diteliti secara mikro dan mencatatkan hasil berikut:-

Kawasan	Gerai	Modal/Sehari (RM)	Untung/Sehari (RM)
PJS 2	Nasi lemak Kuih-muih	120	30
PJS4	Buah-buahan Kerepak	500	70
PJS 3	Nasi lemak Kuih-muih	100	65
PJS 3	Jus mangga	160	40
PJS 1	Pisang goreng Keropok	200	100
PJS 1	Jus Air Berperisa	60	100
PJS 1	Soto Ayam	150	30

Jadual ini berdasarkan soal selidik dengan peniaga ketika lawatan. (Rujuk Lampiran E)

- 5.11 Kebanyakan peniaga tidak mempunyai pengetahuan yang sewajarnya berhubung pengurusan kewangan dan modal pusingan. Peniaga didapati tidak pasti mengenai kos perniagaan harian dan terdapat peniaga tidak mempunyai rekod kewangan yang teratur. Keadaan ini menyebabkan sukar peniaga kecil-kecilan Bumiputera untuk maju dan keluar daripada kesempitan ekonomi dan kemiskinan.
- 5.12 Terdapat cadangan agar pihak MBPJ menambah baik Sistem Permohonan Tapak Bazar Ramadan kepada aplikasi atas talian (*online application*).

6. PENEMUAN: SESI PENDENGARAN TERTUTUP

- 6.1 Peniaga di kawasan berpendapatan rendah dan sederhana rendah cuba mencari pendapatan tambahan untuk menyara keluarga. Kebanyakan peniaga akan menjadikan perniagaan kecil-kecilan ini sebagai sumber pendapatan utama.
- 6.2 MBPJ akan menjalankan temu duga kepada setiap pemohon perniagaan di bawah kawasan pentadbiran MBPJ. Temu duga tersebut merupakan kaedah MBPJ mengenal pasti pemohon yang benar-benar berkelayakan dan memerlukan tapak perniagaan.
- 6.3 MBPJ tidak menyediakan kuota khusus kepada pemohon yang miskin atau pemohon yang berada di bawah garis kemiskinan.
- 6.4 MBPJ turut menawarkan lokasi perniagaan kepada penjaja tanpa lesen di lokasi baharu. Walau bagaimanapun, tidak semua penjaja bersetuju untuk dipindahkan kerana khawatir lokasi baharu tersebut tidak menjamin pendapatan yang setara dengan tapak sedia ada.
- 6.5 Jumlah tapak perniagaan yang dibenarkan untuk bermiaga adalah terlalu sedikit berbanding jumlah keseluruhan peniaga tanpa lesen. Kios di medan selera yang disediakan oleh MBPJ sama ada telah disewakan sepenuhnya atau sedang diselenggara.
- 6.6 Gerai dan kios di medan selera tidak boleh menampung keseluruhan jumlah penjaja kecil. Data semasa menunjukkan jumlah peniaga dan penjaja tanpa lesen di Petaling Jaya seramai 896 orang berbanding jumlah kekosongan geraidan petak yang hanya berjumlah 93 unit.

- 6.7 Terdapat tapak perniagaan yang "diwariskan" oleh ibu bapa kepada anak-anak dengan sewenang-wenangnya.
- 6.8 MBPJ telah menyediakan dan menguatkuasa syarat baharu iaitu semua penyewa gerai hanya diberi kontrak sewa selama maksimum tiga (3) tahun.

7. RUMUSAN

- 7.1 Jawatankuasa mendapati wujud korelasi yang kuat antara bertambahnya bilangan peniaga dan penjaja tanpa lesen yang berniaga di lokasi-lokasi tidak sah disebabkan masalah masalah kemiskinan dan kesempitan hidup rakyat.
- 7.2 Jawatankuasa mendapati tidak semua aktiviti peniaga dan penjaja tanpa lesen berkait rapat dengan masalah kemiskinan. Hasil penemuan mendapati terdapat penjaja sememangnya tidak berhasrat mendapatkan lesen daripada MBPJ atas tujuan untuk mengaut keuntungan lebih besar melalui pengurangan kos operasi.
- 7.3 Jawatankuasa mendapati bahawa tiada tumpuan khusus daripada mana-mana jabatan/agensi kerajaan yang berusaha mengatasi kegiatan berniaga tanpa lesen serta perniagaan di lokasi-lokasi secara tidak sah, dilaksanakan bersekali dengan satu rancangan induk bagi mengatasi kemiskinan atau kesempitan ekonomi rakyat di bandar.


8. SARANAN

- 8.1 Kerajaan Negeri hendaklah mewujudkan satu pelan induk dan strategi bersepada melibatkan program pemutihan tapak perniagaan tidak sah dan aktiviti berniaga tanpa lesen serta mengatasi masalah kemiskinan bandar.
- 8.2 Kerajaan Negeri perlulah memastikan setiap PBT memperuntukkan kuota khusus kepada pemohon daripada golongan miskin atau golongan yang berada di bawah garis kemiskinan untuk membolehkan mereka berniaga di tapak-tapak yang sah dan memiliki lesen perniagaan yang sah.
- 8.3 Kerajaan Negeri hendaklah memastikan setiap PBT menguatkuaskan dasar tempoh sewaan maksimum kepada peniaga-peniaga.
- 8.4 Kerajaan Negeri hendaklah memberi latihan dan bimbingan mengenai pengurusan perniagaan seperti pengurusan pusingan modal secara mandatori terutamanya kepada peniaga kecil-kecilan.
- 8.5 Kerajaan Negeri hendaklah menjadikan kadar pendapatan pemohon sebagai syarat utama untuk memperoleh tapak perniagaan.
- 8.6 Kerajaan Negeri perlu memastikan PBT bertindak lebih aktif dalam mengiklankan kios, medan selera dan tapak perniagaan yang telah beroperasi untuk mengatasi rungutan penjaja mengenai lokasi perniagaan baharu yang tidak strategik.
- 8.7 Kerajaan Negeri perlulah menambahbaik sistem permohonan tapak kedai/gerai/medan selera/kios/bazar dan seumpamanya kepada aplikasi atas talian (*online application*).

9.0 PERAKUAN

Penyata ini disediakan oleh Y.B Puan Haniza binti Mohamed Talha (Ahli) dan Y.B Puan Noor Hanim bin Ismail (Ahli) Jawatankuasa Pilihan Khas Pembasmian Kemiskinan (JPK-Pembasmian Kemiskinan). Penyata ini dibincangkan dan diluluskan oleh JPK-Pembasmian Kemiskinan di mesyuarat Jawatankuasa pada 27 September 2016.

Disahkan oleh:



YB Tuan Saari bin Sungib
Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Pembasmian Kemiskinan
(JPK-Pembasmian Kemiskinan)

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Ahli-ahli Yang Berhormat berikut telah dilantik menganggotai Jawatankuasa Pilihan Khas Pembasmian Kemiskinan (JPK-Pembasmian Kemiskinan):

- | | |
|---|-----------|
| i) Y.B.Tuan Haji Saari bin Sungib
(ADN Kawasan Hulu Kelang) | Pengerusi |
| ii) Y.B Tuan Lau Weng San
(ADN Kawasan Kampung Tunku) | Ahli |
| iii) Y.B Puan Haniza binti Mohamed Talha
(ADN Kawasan Taman Medan) | Ahli |
| iv) Y.B Puan Noor Hanim bin Ismail
(ADN Kawasan Seri Serdang) | Ahli |

- v) Y.B. Puan Lai Nyuk Lan Ahli
(ADN Kawasan Sungai Pelek)
- vi) Y.B. Tuan Kamarol Zaki bin Haji Abdul Malik Ahli
(ADN Kawasan Sungai Air Tawar)
- vii) Y.B. Datuk Mat Nadzari Ahli
(ADN Kawasan Batang Kali)

URUS SETIA

- i) Puan Elya Marini binti Darmin
Setiausaha Bahagian Dewan
- ii) Encik Zawawi bin Mohamed Arif
Penolong Setiausaha (Dewan)
- iii) Puan Noor Syazwani binti Abdul Hamid
Setiausaha Pejabat
- iv) Puan Nur Adilla Abd Rahim
Pegawai Penyelidik Pejabat Speaker
- v) Encik Sheikh Zulhelmi bin Sheikh Zuljallaly
Pegawai Penyelidik Pejabat Speaker

LAMPIRAN A



Papan tanda jalan yang ditutup oleh gerai peniaga tanpa lesen di PJS 4




Peniaga sedang menaikkan gerai di lokasi jalan utama dan berdekatan selekoh dan pembinaan di PJS 3.

LAMPIRAN B



Longgokan sampah di kawasan sekitar salah satu tapak gerai haram di PJS 3



*Banir pokok dan kawasan pejalan kaki yang disemen oleh peniaga haram
di PJS 4*

LAMPIRAN C



Salah sebuah gerai haram di PJ4 yang dibina di atas tempat penjalan kaki

LAMPIRAN D



Salah satu peniaga yang mengupah warga asing sebagai pekerja di PJ3

